



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MALAYSIA'S SEMICONDUCTOR INDUSTRY: TRENDS AND OPPORTUNITIES

KAMPAR, 6 OGOS 2026 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) meneruskan penganjuran MOSTI TECHTalks siri ketiga bagi tahun 2026 dengan topik **‘Malaysia’s Semiconductor Industry: Trends and Opportunities’** yang berlangsung di Tan Sri Lee Loy Seng Lecture Theatre, Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Kampar, Perak. TECHTalks kali ini telah mengetengahkan YB Datuk Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dan YBr Encik Tan Soon Keong, Pengarah Kanan Infineon Technologies Kulim sebagai ahli panel.

Dalam sesi tersebut, YB Menteri telah berkongsi mengenai komitmen MOSTI dalam memacu Strategi Semikonduktor Kebangsaan (NSS) untuk mentransformasikan Malaysia daripada sekadar peserta dalam rantai bekalan pembuatan kepada pencipta teknologi dan pemilik harta intelek (IP). Beliau turut mengetengahkan inisiatif strategik MOSTI menerusi MIMOS termasuk kerjasama dengan ARM untuk melatih 10,000 bakat tempatan dalam bidang reka bentuk litar bersepadu (*IC Design*) bagi menyokong sasaran penjana lebih 130,000 peluang pekerjaan berkemahiran tinggi di bawah NIMP 2030 serta menekankan bahawa pembangunan bakat merupakan pemacu utama agenda semikonduktor negara melalui penguasaan kemahiran teknikal, pembelajaran sepanjang hayat serta pendedahan kepada pengalaman amali.

Panel kedua iaitu Encik Tan Soon Keong, telah berkongsi mengenai trend global industri semikonduktor yang dijangka bernilai USD1.29 trilion menjelang 2030, didorong oleh AI, kenderaan elektrik (EV) dan teknologi advanced packaging. Beliau turut menegaskan bahawa Malaysia, sebagai pengeksport semikonduktor keenam terbesar di dunia serta

menguasai 13 peratus pasaran global bagi aktiviti ujian dan pembungkusan cip dan berpotensi menjadi peneraju inovasi melalui pembangunan bakat dan kerjasama erat antara kerajaan, industri serta akademik. Segmen terakhir ialah sesi soal jawab daripada para peserta yang dikendalikan oleh Ir. Dr. Loh Siu Hong, Penolong Profesor dari Fakulti Kejuruteraan dan Teknologi Hijau, UTAR.

Selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI dan fokus MOSTI berteraskan konsep P.R.E.C.I.S.E. (People-Centric, R&D, Enculturate, Capacity Building, Investment dan Start-ups Ecosystem) yang diperkenalkan oleh YB Menteri, MOSTI TECHTalks menjadi platform perkongsian ilmu, pengalaman dan inspirasi yang membudayakan STI serta memperkukuh hubungan antara kerajaan, industri dan komuniti akademik.

Program ini dihadiri oleh barisan pengurusan tertinggi MOSTI serta lebih 250 orang pelajar, pensyarah dan kakitangan UTAR. Penganjuran MOSTI TECHTalks ini mencerminkan komitmen berterusan MOSTI dalam memperluas capaian ilmu STI, memperkukuh pembangunan bakat serta mengeratkan kerjasama antara kerajaan, akademik dan masyarakat selaras dengan teras daya cipta dan keyakinan dalam konsep Malaysia MADANI.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
6 OGOS 2026